

# PM: Malaysia-Australia perlu teroka bidang baru

SAIFULIZAM MOHAMAD

**KUALA LUMPUR** 30 Nov. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia dan Australia perlu meneroka lebih banyak bidang baru yang boleh dimajukan antara kedua-dua negara.

Beliau berkata, hasrat tersebut perlu difikirkan bersama kerana melalui pendekatan tersebut Malaysia dan Australia mampu mempelbagaikan lagi bentuk kerjasama yang telah lama terjalin.

Ujarnya, Malaysia dan Australia sudah mempunyai hubungan serta kerjasama yang amat erat khususnya dalam bidang pertahanan, pendidikan dan perdagangan.

"Kita sekarang seharusnya mempunyai

Um - 11/12/2006  
Hasrat tersebut perlu difikirkan bersama kerana melalui pendekatan tersebut Malaysia dan Australia mampu mempelbagaikan lagi bentuk kerjasama yang telah lama terjalin

ABDULLAH  
AHMAD BADAWI  
Perdana Menteri

fokus untuk meneroka beberapa bidang baru dan melalui cara ini saya yakin ia akan dapat mengukuhkan lagi hubungan antara negara ini dan Australia.

"Saya percaya hasrat ini boleh direalisasikan kerana hubungan antara Malaysia dan Australia selama ini adalah berasaskan kepada keyakinan dan kepercayaan bersama," kata Abdullah.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam bagi merayakan

Perdana Menteri Australia, John Howard di sini malam ini.

Howard berada di Malaysia untuk lawatan rasmi selama tiga hari.

Menurut Abdullah, antara bidang yang disifatkannya sebagai sektor yang boleh ditingkatkan antara kedua belah pihak ialah pertanian dan industri asas tani.

"Umum mengetahui dua bidang ini kini menjadi keutamaan kepada kerajaan Malaysia dan kita amat bersungguh-sungguh

untuk menjayakannya.

"Oleh itu, Malaysia berharap Australia menimbangkan untuk membenarkan produk-produk pertanian dari negara ini dengan jenama Malaysia's Best masuk ke negara tersebut," tambahnya.

Sementara itu, Howard dalam ucapan balasnya berkata, Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan Islam secara sederhana dan ia seharusnya menjadi contoh kepada negara-negara Islam lain.

Beliau berkata, melalui pendekatan yang dilaksanakan kerajaan Malaysia itu, masyarakat dunia dapat memahami Islam dengan lebih jelas.

"Saya berharap ia dapat diteruskan dan dalam masa yang sama Malaysia terus berperanan memperkenalkan Islam yang diamalkan di negara ini kepada masyarakat dunia," katanya.